

KENYATAAN SEBUT HARGA

UTeM/SH/043/2022

SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA SIMPANG JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM).

Tarikh Sebut Harga Dipamer	3 JUN 2022	Harga Naskah Meja	RM29.00
Tarikh Sebut Harga Dijual	3 JUN 2022 HINGGA 16 JUN 2022		
Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup	17 JUN 2022 sebelum jam 12:00 Tengahari		
Tempoh Penerimaan Dokumen Tawaran	14 HINGGA 17 JUN 2022 sebelum jam 12:00 tengahari		

WAKTU PEMBELIAN NASKAH SEBUT HARGA UTeM:

Hari Operasi	Waktu
Isnin hingga Jumaat	Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya.

ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT

- Sebut harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil-sijil seperti berikut:
 - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN, KOD BIDANG: 010401** [Papan Tanda dan Aksesori]
- Pembelian Naskah Sebut Harga:**
 - Penyebut Harga yang berminat dengan tawaran sebut harga ini boleh **membeli Naskah Sebut Harga secara atas talian sahaja.**
 - Penyebut Harga perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan**, penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.
 - Penyebut Harga yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah sebut harga ini.** Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke perolehan@utem.edu.my. Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN.**
 - Penyebut Harga perlu memastikan Perkara 2.b dan 2.c dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://epayment.utem.edu.my/perolehan/>
 - Dokumen Sebut Harga akan **diemelkan** kepada Penyebut Harga **setelah pembayaran diterima.**
 - Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengembalikan bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Kenyataan Sebut Harga ini.

UTeM/SH/043/2022

3. Kaedah Penghantaran Tawaran Sebut Harga adalah melalui serahan tangan ATAU Pos Berdaftar / Kurier seperti berikut:
- a. Penghantaran secara serahan tangan
 - i. Dokumen Sebut Harga perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**. Penyebut Harga perlu **memastikan nombor sebut harga dipaparkan pada sampul surat tersebut**.
 - ii. Penyebut Harga hanya perlu menunjukkan **paparan aplikasi MySejahtera** dengan **Status Risiko Covid-19** dan **Status Vaksinasi** yang telah dikemaskini di telefon pintar kepada anggota keselamatan UTeM yang bertugas.
 - iii. Penyebut Harga perlu memasukkan dokumen tawaran sebut harga ke dalam **peti sebut harga yang betul di Kaunter Unit Perolehan, Pejabat Bendahari sebelum jam 12:00 tengahari** pada hari sebut harga ditutup. Sebarang kelewatan penghantaran dokumen tidak akan dilayan.
 - b. Penghantaran secara Pos Berdaftar / Kurier
 - i. Dokumen Sebut Harga perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**.
 - ii. **Penyerahan/penerimaan dokumen Sebut Harga melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier** di alamat yang dinyatakan dan penerimaan berpusat di **Unit Mel UTeM** bermula dari **14 HINGGA 17 JUN 2022**. Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
 - iii. **Tarikh dan masa tutup Sebut Harga dikira** semasa dokumen tawaran berada di Unit Mel UTeM sahaja. Penyebut Harga **perlu mengambil kira tempoh penghantaran dokumen tersebut** menepati tarikh dan masa tutup Sebut Harga ini.
 - iv. Setiap sampul tawaran Sebut Harga yang dipos oleh Penyebut Harga hanya untuk **SATU (1) tawaran sahaja daripada SATU (1) syarikat** bagi memudahkan proses penerimaan dan rekod dokumen.
 - v. Dokumen tawaran Sebut Harga perlu dialamatkan ke **UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/043/2022, PEJABAT BENDAHARI, UNIT MEL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, KAMPUS TEKNOLOGI, JALAN TTU 43, AYER KEROH 75450 MELAKA**.
 - vi. Syarikat perlu **menggunakan alamat syarikat yang berdaftar sebagai rujukan pengirim** pada dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier bagi memudahkan proses penerimaan dan rujukan.
 - vii. Sampul Surat Besar yang digunakan untuk penghantaran dokumen tawaran sebut harga ini perlu menyatakan **NO. SEBUT HARGA di penjuru atas sebelah kiri** sampul surat tersebut dan **menyatakan alamat seperti di atas di ruangan tengah** sampul surat besar tersebut. (sila lihat contoh).

UTeM/SH/043/2022

UTeM/SH/043/2022

**UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/043/2022,
PEJABAT BENDAHARI,
UNIT MEL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA,
KAMPUS TEKNOLOGI, JALAN TTU 43,
AYER KEROH 75450 MELAKA.**

Contoh paparan alamat di muka depan sampul surat besar.


Tandatangan

KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM
Penolong Bendahari Kanan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Cap Jawatan